




BAB 1

P E N D A H U L U A N



PENDAHULUAN

A. LATAR BELAKANG MASALAH.

1. Profil Jajahan Tumpat.

a. Pengenalan.

Negeri Kelantan mempunyai keluasan kira-kira 14,922 kilometer persegi.¹ Terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia bersempadankan Thailand di sebelah utara. (Lihat lampiran 1).

Salah satu jajahan yang terdapat di sini ialah Tumpat. Kedudukannya ialah di utara Negeri Kelantan bersempadankan Laut China Selatan di sebelah utara, Sungai Golok di barat, Sungai Kelantan di timur dan Jajahan Pasir Mas di selatan.² (Lihat lampiran 2).

Luas Jajahan Tumpat ialah 168.4 kilometer persegi. Mengandungi 48 buah mukim yang diketuai oleh penghulu. Terdapat 7 buah daerah di jajahan ini iaitu Wakaf Bharu, Su-

1 _____, Sinar Kelantan, Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Kelantan, bil. 5, t.c., 1989, hal. 13.

2 _____, Profil Jajahan Tumpat, Tumpat: Pejabat Tanah Dan Jajahan Tumpat (Bahagian Pembangunan), t.c., t.t., hal. 1.

3 ibid.

ngai Pinang, Tumpat, Pengkalan Kubur, Jal, Kebakat dan Terbok.

b. Penduduk.

Menurut perangkaan 1986,⁴ jumlah penduduk di jajahan ini ialah seramai 102,972 orang berbanding dengan penduduk Kelantan yang berjumlah seramai 1,026,000 orang. Jajahan Tumpat merupakan jajahan yang kedua padat di Kelantan dengan purata kepadatan seramai 1,580 orang bagi setiap batu persegi.

Daerah yang paling padat di Jajahan Tumpat ialah Wakaf Bharu. Purata kepadatannya ialah 2,098 orang bagi setiap batu persegi. Kepadatan penduduk banyak bergantung kepada penggunaan tanah. Manakala purata pertumbuhan penduduk ialah lebih kurang 2.3% setahun.⁵

Penduduk yang beragama Islam pula ialah seramai 93,536 orang. Jumlah ini merupakan yang paling ramai di Jajahan Tumpat berbanding dengan kaum Cina yang beragama Budha dan Kristian iaitu 2,831 orang. Penduduk yang beragama Hindu pula ialah seramai 380 orang. Seterusnya penduduk yang berbangsa Thai adalah seramai 6,224 orang. (Lihat lampiran 3).

⁴ ibid., hal.1

⁵ ibid., hal.2

⁶ ibid.

c. Pekerjaan.

Sejumlah besar dari penduduknya terlibat di dalam sektor pertanian yaitu 39%. Ini diikuti oleh kerja kerajaan atau swasta yang mempunyai seramai 9.01%. Di samping itu, terdapat juga dari kalangan penduduknya yang bekerja sebagai nelayan, berniaga, bekerja sendiri dan sebagainya.⁷ (Lihat lampiran 4).

⁷ibid., hal. 4.

2. Sejarah Awal Kelas-Kelas Fardhu ^cAin Di Kelantan.

Semamangnya Islam telah lama bertapak di Kelantan. Kebenarannya ternyata dengan penemuan sekeping dinar emas yang dijumpai di Kota Kubang Labu (terletak dalam Jajahan Tumpat) pada tahun 1914. Di muka pertama tertulis perkataan ^cArab ' المتوكل ' (Al Mutawakkil) dan disebelahnya terdapat angka ^cArab OVV M (577 M). Di samping itu terdapat juga perkataan ' الجولس الكلنتي ' (Al Julus Al Kelantani).

Orang yang paling awal menyampaikan pendidikan Islam (meliputi ^cilmu-^cilmu fardhu ^cain) ialah Syekh ^cAbdul Halim. Pengajarannya bermula pada akhir abad ke 18. Beliau menyampaikan pengajarannya di istana-istana dan di surau-surau untuk anak-anak raja dan pembesar-pembesar serta orang ramai. Pengajaran beliau disampaikan secara lisan menggunakan kitab Jawi berbahasa ^cArab. Setelah diterjemahkan, pengajaran di sampaikan di dalam bahasa Melayu.⁹ Corak pengajaran menadah kitab ini juga dijalankan oleh Tok Kenali (Haji Muhammad Yusof bin Muhammad).¹⁰

Pada awal abad ke 20, di bandar Kota Bharu terdapat ramai ulama' yang berpendidikan Masjidil Haram, Mekah. Pengajaran

⁸Sa^cad Syukri bin Haji Muda dan ^cAbdullah bin Haji Saleh, Detik-Detik Sejarah Kelantan, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, cet. 1, 1971, hal. 28 .

⁹Khoo Kay Kim, Sejarah Masyarakat Melayu Modern, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, cet.1, 1985, hal 39.

¹⁰Khoo Kay Kim, Essei-Essei Sejarah Malaysia 11, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, cet. 1, 1982, hal. 96.

agama menjadi dominan di dalam jajahan ini menyebabkan Negeri Kelantan dikenali dengan 'Serambi Mekah' di dalam konteks pendidikan agama di Asia Tenggara pada masa itu.¹¹

Menurut Nik ^CAbdul ^CAziz bin Nik Hassan:

"Pendengar umumnya terdiri dari lelaki dan perempuan. Orang perempuan tidak menadah kitab oleh kerana mereka tidak mendapat galakan dari ibu bapa untuk berbuat demikian. Pada sangkaan mereka (tahun 1950) kaum perempuan tidak mempunyai daya ^Cakal yang tidak berkemampuan untuk menjadi ^Calim. Mereka dianggap hanya layak untuk menjadi suri rumah tangga sahaja. Tujuan mereka digalakan untuk mendengar pengajaran agama adalah untuk membolehkan mereka sedar akan kehendak agama ~~ke atas diri~~ masing-masing".¹²

3. Kedudukan Kelas-Kelas Fardhu ^CAin Di Jajahan Tumpat.

Sebilangan besar penduduk di sini adalah beragama Islam. Berdasarkan statistik tangkapan mengikut kesalahan di jajahan ini (sila lihat lampiran 5) ternyata keruntuhan moral masih menjalar di kalangan masyarakatnya. Bagi mengawal penularan gejala negatif ini dari terus berleluasa, kelas-kelas fardhu ^Cain secara menadah kitab khusus untuk orang-orang dewasa semakin di pergiatkan. Di Jajahan Tumpat kebanyakan kelas-kelas ini disumbangkan oleh:

a. Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

¹¹Nik ^CAbdul ^CAziz bin Nik Hassan, Islam Dan Masyarakat Kota Bharu, (1900-1933), Islam Di Malaysia, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, t.c., t.t., hal. 19

¹²Nik ^CAbdul ^CAziz bin Nik Hassan, Islam Di Kelantan, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, cet.1, 1983, hal. 10.

- b. Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Kelantan.
- c. Kemajuan Masyarakat.
- d. Sumbangan Sukarela.

Guru-guru ini mempunyai gelaran yang berbeza. Pihak Majlis menamakannya sebagai guru-guru agama. Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Kelantan mengenali mereka sebagai mubaligh atau mubalighah dan guru agama atau guru pondok. Seterusnya mereka yang berkhidmat di bawah Kemajuan Masyarakat pula dikenali sebagai guru-guru Kelas Agama Islam. Bagi kumpulan sukarela, tiada nama khusus untuk mengenali mereka. Corak pengajaran yang dijalankan adalah berbentuk menadah kitab dan khususkan kepada orang-orang dewasa.

Selanjutnya pengenalan secara ringkas terhadap badan-badan tersebut akan diutarakan. Ianya adalah seperti berikut:

- a. Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Ia menjadi induk kepada agensi-agensi agama di Kelantan. Ditubuhkan pada tahun 1985. Berfungsi sebagai penyelaras dan penggerak bagi perkembangan Islam di negeri ini, juga mengawal kegiatan-kegiatan yang boleh menjejaskan C'qidah umat Islam di Negeri Kelantan.¹³

¹³ _____, Berita Majlis, Kota Bharu: Unit Penerangan Majlis Ugama Islam Kelantan, bil. 8, t.c., 1989, hal. 16.

Pihak Majlis juga mempertanggungjawabkan guru-guru agama untuk mengajar di masjid-masjid mukim sebanyak 12 kali sebulan. Pada tahun 1987 terdapat seramai 5 orang guru agama lelaki di Jajahan Tumpat. Di samping itu, ia juga melantik Imam Tua dan Imam Muda bagi masjid-masjid mukim untuk menjalankan program-program agama.¹⁴ Menjadi peranan Majlis juga menyelaraskan kegiatan-kegiatan agama agar tidak terjadinya pertembungan waktu dan mata pelajaran antara guru-guru agama Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Kelantan dan pihak Majlis Ugama Islam Kelantan.

Bagi golongan yang baru memeluk Islam pula, Majlis telah menyediakan untuk mereka guru-guru khas yang mengajar fardhu ^ca in selama tiga bulan.¹⁵

b. Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Kelantan (JHEUIK).

Ditubuhkan pada tahun 1978. Pembantu Majlis Ugama Islam Kelantan di dalam menggerakkan hasrat dan cita-cita kerajaan untuk membangunkan Islam di Negeri Kelantan, juga melaksanakan keputusan Majlis Ugama Islam Kelantan (MUIK). Untuk itu JHEUIK telah disediakan dengan bahagian Tabligh di dalam usaha meningkatkan pengetahuan Islam di peringkat kanak-kanak sekolah hinggalah kepada orang dewasa.¹⁶

¹⁴ Temubual dengan ustaz ^cAbdullah bin Isma^cil, bekas Pegawai Ugama MUIK pada 16 Jun 1989.

¹⁵ ibid.

¹⁶ _____, Laporan Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam 1986, Kota Bharu: Lundang, t.c., 1986, hal. 35.

Kumpulan tersebut ialah mubaligh atau mubalighah, guru-guru agama atau pondok, guru-guru Al Qur'an dan pembantu kelas fardhu ^Cain (untuk kanak-kanak). Jumlah keseluruhan mengikut tahun 1986 ialah 3383 orang. Manakala jumlah mubaligh dan mubalighah ialah seramai 196 orang. Guru-guru agama pula berjumlah 183 orang. Di Jajahan Tumpat terdapat seramai 15 orang mubaligh dan mubalighah. Manakala guru-guru agama atau pondok pula ialah 17 orang.¹⁷

• c. Kemajuan Masyarakat.

Berfungsi sebagai pembantu JHEUIK di dalam menegakkan syiar Islam. Kelas agama Islam di bawah KEMAS bertugas mengajarkan agama termasuk ^Cilmu-^Cilmu fardhu ^Cain untuk orang-orang dewasa. Di Jajahan Tumpat terdapat seramai 27 orang guru-guru kelas Agama Islam. 3 darinya ialah wanita.¹⁸

Kelas-kelas yang terkandung di dalam KEMAS di antaranya ialah Kelas Agama Islam, Taman Bimbingan Kanak-Kanak, Kelas Ekonomi Rumah tangga, Kumpulan Latihan Kerja dan sebagainya. Kepada pemaju masyarakat (tenaga pengajar) tersebut juga disediakan guru-guru agama bagi tujuan meningkatkan lagi kefahaman mereka terhadap Islam.

¹⁷ ibid.

¹⁸ Temubual dengan Mohammad Ayub bin ^CAbdul Rahman, Penyelia Kanan Pembangunan Masyarakat pada 16 Sept. 1989.

d. /Sukarela

Kumpulan ini terlibat sama di dalam menjayakan lagi penghayatan Islam di Tumpat. Memandangkan kepentingan berda^cwah dan jumlah tenaga pengajar wanita yang kurang berbanding dengan le^claki, mereka bangkit untuk untuk mengajar ^cilmu-^cilmu agama un^ctuk orang-orang dewasa. Di kesempatan ini juga, penda^cwahan di dalam kontek amar ma^cruf dan nahi mungkar dijalankan.

Di Jajahan Tumpat, jumlah mereka adalah melebihi sepuluh orang. Mereka memilih corak begini lantaran tidak mahu terikat dengan mana-mana pertubuhan dan akan memberikan khidmat bakti kepada sesiapa sahaja yang memerlukan.

B. PENGERTIAN TAJUK.

Sebelum perbincangan diteruskan, terlebih dahulu penulis ingin menyingkap pengertian tajuk kajian bagi memberikan kefahaman yang jelas mengenainya.

Perkataan guru bererti 'pengajar atau pendidik'.¹⁹ Menurut kamus Longman, guru disebut sebagai 'teacher' memberi er²⁰ ti 'person who teaches' atau 'seseorang yang mengajar'. Islam pula menyebut guru sebagai 'muaddib' iaitu yang memberikan con²⁰ toh adab-adab Islam kepada murid-murid.

Guru adalah pemimpin jiwa manusia, suatu bidang tugas yang mendapat sanjungan masyarakat sejak zaman berzaman. Gurulah yang menjadi pengantara antara satu generasi ke generasi yang lain di dalam menyampai dan memperkembangkan nilai-nilai masyarakat yang positif dan murni.²¹

Fardhu^c ain pula bermaksud sesuatu yang wajib dikerja-

¹⁹ Lutfi Abas dan Awang Sariyan, Kamus Pelajar Delta, Petaling Jaya: Pustaka Delta Pelajaran Snd. Bhd., cet. 1, 19-88, hal. 233.

²⁰ Longman Group UK Limited, Longman Dictionary Of Contemporary English, Britain: Richard Clay Ltd. Bungay, cet ke 2, 1987, hal. 1085.

²¹ Saat bin Mat Yasin, "Status Dan Profesional Guru-Guru Agama", Kursus Guru-Guru Agama Sekolah Menengah Agama Tadbiran Kerajaan Negeri, Bangi: Pusat Pendidikan UKM., 1985, hal. 53.

kan mengikut agama Islam dan ditentukan kepada orang ramai.²²
 Ilmu fardhu ^Cain wajib dipelajari oleh setiap orang Islam dan dikenali sebagai ^Cilmu agama.

Perkataan peranan iaitu ' دور ' di dalam bahasa ^CArab²³ memberi erti bahagian yang dipegang. Suatu bentuk pertanggungjawaban yang mesti dilaksanakan mengikut sepatutnya. Bahasa Inggeris pula menamakannya sebagai 'role' iaitu tugas-tugas tertentu yang mesti dilakukan.²⁴

Oleh itu peranan guru-guru fardhu ^Cain wanita bermaksud orang-orang perempuan yang menyandang tugas sebagai pengajar atau penyampai ^Cilmu-^Cilmu yang wajib diketahui oleh setiap individu Islam.

Guru-guru harus berkeperibadian tinggi dan mulia agar dapat menjadi contoh ikutan bagi murid-murid samada dari segi perlakuan, perkataan dan sikap. Kerana itu, mereka mestilah berpegang teguh kepada ajaran agama yang menginginkan penganutnya ber

²²Dr. Teuku Iskandar, Kamus Dewan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, cet. ke 3, 1986, hal. 298.

²³Ibnu Manzur, Lisanul ^CArab, Beirut: Darus Sadar, juz. 18, t.c., 1968, hal. 295

²⁴R.W. Burchfield, A Supplement to The Oxford Dictionary Thomson Litho Ltd. And Oxford University Press, vol.iii, t.c., 1982, hal. 1352.

berakhlak mulia dan penyayang kepada murid-muridnya.²⁵

Kelas yang dikelolakan oleh mereka dikatakan berjaya apabila terbinanya insan şōlihīn. Memiliki sifat kejiwaan dan kejasmanian yang unggul dan menyerlahkan amalan keislaman yang sebaik-baiknya.²⁶

Menurut Muhammad Al Bahi, da^cwah bererti "memindahkan suatu umat kepada suatu keadaan lain yang lebih baik".²⁷ Caranya ialah sentiasa menghidupkan hati dan menyuburkan fikiran orang ramai dengan matlamat dijadikan manusia. Keinsafan mengenainya akan melahirkan tindakan dan pemikiran yang murni pada mereka.

Kesimpulannya guru-guru fardhu da^cain wanita adalah da^ciyah yang berusaha membawa insan pulang ke jalan Allah. Hidup menurut suasana dan susunan yang telah digariskanNya. Penumpuan tidaklah hanya kepada aspek fardhu da^cain sahaja malah mengajak pelajar berkenalan secara dekat dengan Islam sebagai cara hidup.

^{25c} Abdul Raof bin Dalip, "Peranan Guru-Guru agama Di Dalam Pendidikan", Kursus Ikhtisas Guru-Guru Agama Islam Kementerian Pelajaran Malaysia, Bangi: Pusat Pendidikan UKM, 1985, hal. 26

²⁶ Ghani bin Syamsuddin, "Syakhsiah Islamiah", Seminar Da^cwah Islamiah Pusat-Pusat Pengajian Tinggi Tempatan, Serdang: Universiti Pertanian Malaysia, 1979, hal. 10.

²⁷ Muhammad Al Bahi Al Khauli, Tazkirah Ad Du^cat, Beirut: Darul Qur'anul Karim, t.c., 1980, hal. 41.

C. METODOLOGI.

Bagi membincangkan kajian ^cilmiah ini secara sistematik, penulis telah menggunakan beberapa metod iaitu:

1. Metod Penentuan Subjek.
2. Metod Pengumpulan Data.
3. Metod Analisa Data Dan Penulisan.

1. Metod Penentuan Subjek.

Melibatkan terlalu banyak subjek yang hendak dikaji, maka penulis telah memilih subjek-subjek tertentu yang dikira dapat memenuhi kehendak semua subjek.

2. Metod Pengumpulan Data.

Bagi mendapatkan segala data yang diperlukan, penulis telah mempraktikkan metod-metod tersebut:

- a. Metod Historis.

Ia bererti "cara penyelidikan yang mengimplikasikan pemecahan secara ^cilmiah dari perspektif historis tentang masalah yang dibahaskan".²⁸

^{28c} Abdul Halim bin Haji Mat Diah, Filsafah Pendidikan Islam Di Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia, Disertasi Doktor (IAIN) Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 1986, hal.37.

b. Metod Interview.

Penulis telah menemuramah responden-responden dan para informer-informer yang dipercayai dapat memberikan ma^clumat-ma^clumat yang dikehendaki.

c. Metod Dokumen.

Penulis mendapatkan dokumen-dokumen dari pejabat-pejabat dan guru-guru fardhu ^cain wanita yang berkaitan dengan tajuk ka^cjian. Dokumen-dokumen juga penulis perolehi dari perpustakaan-perpustakaan.

d. Metod Soal Selidik

Penulis mengedarkan borang soal selidik kepada para responden untuk memperolehi ma^clumat.

3. Metod Penganalisaan Data.

Bagi menyusun data secara saksama dan sistematik, penulis menggunakan metod-metod berikut:

a. Metod Deduktif.

Ia bererti menghuraikan sesuatu masalah dan menyimpulkan_{nya} secara terperinci berdasarkan data-data yang diperolehi dan contoh-contohnya.

b. Metod Induktif.

Ia bererti membentangkan sesuatu masalah dan menyimpulkan_{nya}

c. Metod Komparatif.

Ita bererti membandingkan sesama fakta samada berupa pendapat atau peristiwa untuk mencari kebenaran.

D. PERUMUSAN MASALAH.

Perumusan masalah yang akan diperbincangkan ialah:

1. Permasalahan Pertama:

Struktur organisasi guru-guru fardhu ^Cain wanita.

2. Permasalahan Kedua:

Sistem pembelajaran di kelas-kelas fardhu ^Cain wanita.

3. Permasalahan Ketiga:

Permasalahan yang dihadapi oleh guru-guru fardhu ^Cain wanita dan para pelajar.

4. Permasalahan Keempat:

Keberkesanan pembelajaran di kelas-kelas fardhu ^Cain wanita.

Perbincangan lanjut mengenai perumusan masalah tersebut akan ditemui di dalam bab IV (Laporan Kajian Dan Analisa Data).

E. TUJUAN PENULISAN

Di dalam membuat penyelidikan mengenai tajuk ini, penulis sebenarnya mempunyai tujuan-tujuan tertentu iaitu untuk:

1. Memenuhi syarat bagi mendapatkan Sarjana Muda Usulud din. Penulis berpendapat tajuk ini perlu dikaji memandangkan ia bermanfaat kepada penulis dan juga untuk mereka yang berminat menceburi bidang berda^Cwah dan pengajaran agama.

2. Mendapat maklumat sebenar dan mendalam mengenai bidang tugas guru-guru fardhu ^Cain wanita serta mengelakkan salah faham mengenainya.

3. Meneroka sejauh manakah kejayaan berda^Cwah yang didokong oleh golongan Hawa untuk golongan mereka sendiri. Ianya adalah berdasarkan sambutan positif dari masyarakat wanita dan keberkesanan pengajaran agama yang dicurahkan oleh guru-guru fardhu ^Cain wanita.

4. Mengenalpasti aspek-aspek yang menggugat pencapaian para pelajar serta permasalahan yang dihadapi oleh pihak yang terlibat.

5. Mengetahui sejauh manakah minat generasi wanita sendiri terhadap aktiviti-aktiviti keagamaan yang berligar di sekeliling mereka dan faktor-faktor yang mempengaruhinya.

6. Ingin memaparkan usaha-usaha pihak atasan dan keraja-
jaan bagi menjayakan kelas-kelas fardhu ^Cain wanita di dalam
mendokong cita-cita yang satu; penghayatan Islam di dalam ke-
hidupan.

7. Mengemukakan saranan-saranan dan cadangan-cadangan
yang dirasakan bersesuaian bagi menyelesaikan permasalahan yang
dihadapi oleh responden-responden. Ianya bertujuan untuk me-
ningkatkan lagi prestasi dan mutu pembelajaran di kelas-kelas
fardhu ^Cain wanita.

F. SISTEMATIKA PENULISAN.

Bagi menghasilkan suatu pembentangan ilmiah yang sempurna dan penganalisaan data secara saksama, penulis telah membahagikan penulisan ini kepada beberapa bab iaitu:

1. Bab I: Pendahuluan.
2. Bab II: Landasan Teori.
3. Bab III: Metodologi.
4. Bab IV: Laporan Kajian Dan Analisa Data.
5. Bab V: Kesimpulan Dan Penutup.

Di dalam bab I terdapat beberapa babagian iaitu:

a. Latar Belakang Masalah.

Penulis membentang secara ringkas mengenai Jajahan Tumpat dari sudut geografi dan penduduknya. Diselitkan bersama kedudukan kelas-kelas fardhu ^cain yang juga dikenali sebagai kelas mengajar agama, pada peringkat awal dan masa kini.

b. Pengertian Tajuk.

Menjelaskan difinasi tajuk kajian secara khusus dan menjelaskannya secara umum.

c. Metodologi.

Menjelaskan bentuk metod yang digunakan secara ringkas. Metod-metod tersebut ialah metod penentuan subjek, pengumpulan data dan penganalisaan data.

d. Perumusan Masalah.

Membicarakan secara ringkas tentang permasalahan atau isi perbincangan yang akan didapati pada bab IV.

e. Tujuan Penulisan.

Mendedahkan matlamat sebenar mengapa kajian ini dibuat.

f. Sistematika Penulisan.

Pembaca diperkenalkan dengan susunan penulisan yang akan ditemui di dalam kertas projek secara umum.

Bab II membincangkan landasan teori untuk kajian ini, ia itu setiap aspek yang bersangkutan dengan aktiviti da^cwah menurut kacamata Islam. Pembaca diperkenalkan dengan pengertian da^cwah, hukumnya, juru da^cwah, sasaran da^cwah dan sebagainya. Disentuh juga sumbangan wanita di zaman Rasulullah s.a.w. di dalam menjayakan usaha ini.

Bab III pula menjelaskan metodologi yang digunakan oleh penulis iaitu metod penentuan subjek yang menggunakan metod sampling. Metod pengumpulan data pula terbahagi kepada metod historis, interview, dokumen dan soal selidik. Seterusnya metod penganalisan data pula merangkumi metod induktif, deduktif dan komparatif.

Bab IV, adalah kemuncak perbincangan dan perbahasan di dalam kajian ini. Ia mengandungi perumusan masalah iaitu aspek

yang menjadi pokok perbincangan penulis. Di bawah permasalahan pertama, penulis menjelaskan secara detail mengenai bentuk organisasi/guru-guru fardhu ^Cain wanita di Jajahan Tumpat. Permasalahan kedua pula memperkatakan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan sistem pembelajaran di kelas-kelas fardhu ^Cain wanita. Ini diikuti oleh permasalahan yang seterusnya iaitu memaparkan aspek-aspek negatif hasil dari kewujudan kelas-kelas fardhu ^Cain tersebut, khususnya permasalahan yang dihadapi oleh guru-guru dan para pelajar. Berdasarkan ma^Clumat yang diperolehi, penulis mengkaji sejauhmanakah keberkesanan pembelajaran di situ.

Selanjutnya, di dalam bab V kesimpulan dibuat bagi semua fakta yang dibentangkan. Diajukan juga beberapa saranan-saranan sebagai jalan penyelesaian terhadap masalah-masalah yang dihadapi. Ianya bermanfaat^C untuk renungan pihak-pihak yang terlibat demi kebaikan bersama selaku penganut Islam.